



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 2 MAC 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	MYNIC LATIH USAHAWAN AGRO DALAMI SALURAN DIGITAL, BISNES, HM -27 TURKIYE SEDIA TAWAR SUMBER DAGING, BUAH, NASIONAL, BH -9 HANYA SEBUAH SYARIKAT DIBENAR IMPORT TELUR, NEGARA, KOSMO -5 HANYA SATU SYARIKAT DIBENAR IMPORT TELUR DARI INDIA, NASIONAL, BH -19 WE HAVE SURPLUS EGGS NOW, NATION, THE STAR -10 HANYA SATU SYARIKAT DIBENARKAN MENGIMPORT TELUR DARI INDIA, LOKAL, HM -17 BEKALAN AYAM, TELUR SUDAH BERLEBIHAN, LOKAL, HM -17	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
8.	GAGAL SELUDUP 25 KILOGRAM BIJIRIN JAGUNG, NEGERI, SH -25	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9. 10. 11.	26 UNIT BUBU NAGA DIRAMPAS, NEGERI, SH -25 BOT PERIKANAN HILANG DITEMUKAN DI BATAM, DALAM NEGERI, UM -7 JOHOR FISHERIES DEPT BOAT WITH FOUR CREWMEN VANISHES FROM RADAR, NEWS, NST -10	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
12.	NAFAS BERDEPAN DENDA SATU PERATUS, LOKAL, HM -17	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23.	98 SAMPEL SAYURAN, 11 SAMPEL BERAH MENGANDUNGI RACUN MAHLUK PEROSAK, LOKAL, HM -21 SARAN BASUH SAYURAN DENGAN BETUL, NEGERI P.PINANG, SH -28 SAYUR, BERAH DI PASARAN DIDAKWA ADA RACUN, DALAM NEGERI, UM -32 LIEW: CPTPP WON'T HAVE NEGATIVE IMPACT ON AGRICULTURAL SECTOR, NEWS, NST -5 ALARM OVER PESTICIDE LEVELS IN VEGGIE, RICE, NATION, NST -7 KUSKOP CADANG KURANGKAN YURAN KOPERASI PERTANIAN, BISNES, SH -31 NELAYAN TEREKGANU TERIMA BERITA GEMBIRA, TERENGKANU KINI, HARAKAH -H25 NELAYAN TERPAKSA IKAT PERUT, BERHUTANG BELI BARANGAN ASAS, DALAM NEGERI, UM -29 HASIL PADI BOLEH MEROSOT 70%?, DALAM NEGERI, UM -6 172 KOPERASI TERLIBAT AGRO MAKANAN, DALAM NEGERI, UM -6 TUMPU TEKNIK PEMBAJAAN PADI, DALAM NEGERI, UM -6	LAIN-LAIN

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/3/2023	HARIAN METRO	BISNES	27

MYNIC latih usahawan agro dalami saluran digital

Kuala Lumpur: MYNIC Berhad dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) serta agensi-agensi di bawahnya sudah melatih hampir 100 usahawan agro.

Program Realisasi Impian Digital (Prime) adalah antara usaha untuk meningkatkan pemahaman serta penyertaan usahawan ini ke saluran digital.

Ketua Pengawai Eksekutif

MYNIC Berhad, Datuk Ts Hasnul Fadhly Hasan berkata, sektor agro adalah antara tunjang kepada negara dan ia turut menawarkan pelbagai peluang pekerjaan kepada usahawan mikro, kecil dan sederhana.

“MYNIC bekerjasama dengan MAFS serta agensi di bawahnya untuk memberi pendedahan terhadap penambahbaikan teknologi digital serta impak kepada penjenamaan digital produk

ahli-ahli mereka.

“Kami juga turut berkongsi bagaimana pemasaran melalui premis digital dapat meningkatkan hasil jualan dan keyakinan pelanggan kepada produk agro mereka,” katanya dalam kenyataan.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Digital, MYNIC yang bertanggungjawab membangun serta mengurus nama domain .MY turut mewujudkan Komuniti .MY sebagai satu platform bagi mengukuhkan lagi hubungan jangka panjang antara peserta latihan MYNIC.

“ Kami berkongsi pemasaran melalui premis digital dapat tingkatkan jualan ”
Hasnul

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/3/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	9

Turkiye sedia tawar sumber daging, buah

Kuala Lumpur: Turkiye bersedia menawarkan sumber daging, ayam dan produk ayam, madu serta buah-buahan untuk dieksport ke Malaysia.

Kesediaan itu dinyatakan dalam pertemuan antara Duta Besar Turkiye di Malaysia, Emir Salim Yüksel dan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu, di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), di sini, kelmarin.

KPKM, berkata pertemuan kali pertama itu membincangkan kerjasama dua hala dalam bidang pertanian, terutama dalam bidang pertanian moden dan penyelidikan pertanian.

Katanya, kedua-dua negara turut bersedia memperkukuhkan kerjasama perdagangan dalam bidang pertanian selaras keperluan bagi menjamin sumber makanan yang mampan.

“Turkiye juga bersedia berkongsi kepakaran bidang teknologi pertanian moden dan mekanisme untuk membantu industri pertanian Malaysia,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/3/2023	KOSMO	TELUR	5



PENGIMPORAN telur dari India bagi memenuhi keperluan bekalan bahan itu di dalam negara. – GAMBAR HIASAN

Hanya sebuah syarikat dibenar import telur

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memaklumkan, hanya sebuah syarikat dari India dibenarkan mengimport telur ke negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, syarikat tersebut diberi kelulusan untuk mengimport telur selama enam bulan bermula Disember lalu berdasarkan kepada keupayaannya menghantar bekalan dalam tempoh singkat.

"Syarikat itu diberikan kebenaran berdasarkan pengalaman membawa masuk telur dari India ke Qatar bagi memenuhi keperluan ketika penganjuran Piala Dunia FIFA 2022 batru-baru ini.

"Namun, kawalan biosekuri-

ti ketat dikenakan yang mana setiap konsainan perlu menjalani ujian *Hold Test Release* (HTR) di pintu masuk bagi memastikan telur diimport bebas daripada patogen selsema burung (HPAI), *Newcastle Disease* (ND) dan *salmonella*," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab pertanyaan **Wan Saiful Wan Jan (PN-Tasek Gelugor)** yang meminta kerajaan menjelaskan secara terperinci berhubung syarikat yang mendapat permit mengimport telur dari India.

Kata Mohamad, dasar membenarkan pengimportan telur bersifat sementara bagi memenuhi kekurangan bekalan di dalam negara.

Hanya satu syarikat dibenar import telur dari India

Rekod pantas hantar bekalan diambil kira penuhi permintaan dalam negara

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hanya sebuah syarikat diberi kebenaran mengimport telur dari India ketika ini, dalam usaha kerajaan melaksanakan langkah intervensi menampung bekalan barangan makanan itu dalam negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata kebenaran itu diberi berdasarkan pengalaman syarikat terbabit membawa masuk telur dari India ke Qatar memenuhi keperluan ketika Piala Dunia FIFA 2022.

"Isu kekurangan bekalan telur dalam pasaran tempatan berlaku apabila terdapat penyusutan pengeluaran dikesan mulai Oktober hingga Disember 2022, yang mana pengeluarannya tidak dapat menampung keperluan dalam negara.

"Sebagai langkah intervensi jangka pendek bagi memastikan kecukupan bekalan telur dalam negara, Kementerian Membenarkan pengimportan telur dari India jenis Fresh White Shell Egg dengan berat antara 50 hingga 55 gram yang boleh digredkan sebagai Gred D di Malaysia atau medium di India," katanya dalam jawapan lisan yang disiarkan melalui laman sesawang Parlimen.

Beliau menjawab soalan Datuk Wan Saiful Wan Jan (PN-Tasek Gelugor) yang meminta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan jumlah eksport telur ayam dan mengapa kerajaan mengimport telur dari India serta syarikat mana yang mendapat permit import (AP) untuk mengimport telur.

Mohamad berkata, dengan keupayaan syarikat itu yang mampu menghantar bekalan dalam masa singkat, Kementerian bersetuju memberi kelulusan import khas untuk tempoh enam bulan mulai Disember 2022.

Kawalan biosekuriti ketat

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, kawalan biosekuriti ketat dikenakan yang setiap konsainan perlu menjalani Hold Test Release (HTR) di pintu masuk bagi memastikan telur diimport itu bebas patogen selesema burung (HPAI), Newcastle Disease (ND) dan Salmonella.

"Dasar membenarkan pengimportan telur ini bersifat sementara bagi memenuhi kekurangan bekalan dalam negara.

"Pembangunan industri telur tempatan merupakan fokus utama Kementerian bagi memastikan industri itu terus berdaya tahan

dan mampan dalam membekalkan telur kepada penduduk serta meningkatkan pendapatan negara menerusi pengeksportan telur ke luar negara," katanya.

Mohamad berkata, berdasarkan rekod pengeluaran telur dalam negara, 13.4 bilion biji dikeluarkan pada 2018 dan 10.9 bilion pada 2019.

Beliau memaklumkan mulai 2020, jumlah pengeluaran telur domestik menunjukkan peningkatan kepada 12.9 bilion biji, diikuti 13.6 bilion biji pada 2021.

"Namun, berlaku sedikit penyusutan pengeluaran pada 2022 kepada 13.3 bilion biji. Hingga Februari 2023, sebanyak 2.4 bilion biji telur dikeluarkan. Secara

purata, Malaysia memerlukan 11.6 bilion telur setahun untuk keperluan domestik dengan kadar penggunaan purata sebanyak 968 juta biji sebulan.



Mohamad Sabu

We have surplus eggs now

Mohamad: Import permit given only as a stop-gap move

MALAYSIA now has sufficient production of eggs and even has a surplus to export.

Datuk Seri Mohamad Sabu said the decision to import eggs was because of low production between October and December last year.

The ministry had then agreed to approve the special import permit for a period of six months, starting from December last year, said the Agriculture and Food Security Minister.

He added that the move to import eggs served as a short-term measure by his ministry.

The eggs imported from India are white-shelled, weighing between 50g and 55g, which can be classified as Grade D eggs in Malaysia.

In the first two months of this year, however, a total of 2.4 billion eggs were produced, said Mohamad.

"On average, we need 11.6 billion eggs per year to meet domestic demand with an average consumption of 968 million eggs monthly.

"The production record shows it is sufficient for domestic needs

every year and there is a surplus for Malaysia to export eggs," he said.

The company given the green light to import eggs from India has the experience to do so, Mohamad said in a written reply to Datuk Wan Saiful Wan Jan (PN-Tasik Gelugor).

He said it was the only company permitted to import eggs.

"The company was given the permission based on its experience in importing eggs from India to Qatar to fulfil demand during the 2022 World Cup," he said.

Wan Saiful had asked the government to reveal the companies with approved permits (APs) to import eggs from India and the duration of the permits.

However, Mohamad's written reply did not mention the name of the company.

According to figures, a total of 13.4 billion eggs were produced in Malaysia in 2018, 10.9 billion in 2019 and 12.9 billion in 2020.

In 2021, a total of 13.6 billion were produced while last year, the egg production was at 13.3 billion.



Short-term measure: Mohamad meeting the press at Parliament lobby. He says the shortage of eggs was due to lower production at the end of last year. — Bernama

Hanya satu syarikat dibenarkan mengimport telur dari India

Kuala Lumpur: Hanya satu syarikat diberi kebenaran bagi mengimport telur dari India dalam usaha kerajaan melaksanakan langkah intervensi menampung bekalan makanan terbabit di dalam negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata kebenaran itu dibuat berdasarkan pengalaman syarikat berkenaan membawa masuk telur dari India ke Qatar bagi memenuhi keperluan ketika pertandingan Piala Dunia FIFA 2022.

“Isu kekurangan bekalan telur di pasaran tempatan berlaku apabila terdapat penyusutan pengeluaran

yang dikesan mulai Oktober sehingga Disember 2022, apabila pengeluarannya tidak dapat menampung keperluan di dalam negara.

“Sebagai langkah intervensi jangka masa pendek bagi memastikan kecukupan bekalan telur di dalam negara, Kementerian membenarkan pengimportan telur dari India, jenis Fresh White Shell Egg, dengan berat di antara 50-55 gram yang boleh digredkan sebagai gred D di Malaysia atau medium di India,” katanya menerusi jawapan lisan yang disiarkan di laman sesawang Parlimen di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Wan Saifuruddin Wan Jan (PN-Tasek Gelu-

gor) yang meminta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan jumlah eksport telur ayam dan mengapa kerajaan mengimport telur dari India serta syarikat mana yang mendapat permit import (AP) untuk mengimport telur.

Mohamad berkata, dengan keupayaan syarikat itu yang mampu mengantar bekalan telur dalam masa singkat, Kementerian bersetuju memberi kelulusan import khas untuk tempoh enam bulan bermula Disember 2022.

Beliau bagaimanapun menjelaskan, kawalan bio-sekuri ketat dikenakan di mana setiap konsainan perlu menjalani ujian *Hold Test Release* (HTR) di pintu masuk bagi memastikan telur yang diimport bebas daripada patogen *Salmonella*.

“Dasar membenarkan pengimportan telur ini adalah bersifat sementara bagi tujuan memenuhi kekurangan bekalan telur di dalam negara.

“Pembangunan industri telur tempatan merupakan fokus utama Kementerian bagi memastikan industri telur tempatan terus berkembang dan mampan dalam membekalkan telur kepada penduduk negara serta meningkatkan pendapatan negara menerusi peksportan telur ke luar negara,” katanya.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, berdasarkan rekod pengeluaran telur di dalam negara, sebanyak 13.4 billion biji dikeluarkan pada 2018 dan 10.9 billion biji pada 2019.

Katanya, mulai 2020, jumlah pengeluaran telur domestik menunjukkan peningkatan menjadi 12.9 billion biji manakala 13.6 billion

biji pada 2021.

“Namun berlaku sedikit penyusutan pengeluaran pada tahun 2022 kepada 13.3 billion biji. Sehingga Februari 2023, sebanyak 2.4 billion biji telur dikeluarkan dan secara purata, Malaysia memerlukan sebanyak 11.6 billion biji setahun untuk keperluan domestik dengan kadar penggunaan purata sebanyak 908 juta biji sebulan.

“Oleh itu, rekod pengeluaran ini jelas menunjukkan pengeluaran telur adalah mencukupi untuk keperluan domestik setiap tahun dan terdapat lebihan yang membolehkan Malaysia mengeksport telur ke luar negara,” katanya.

Bekalan ayam, telur sudah berlebihan

Purata 16,846,447 ekor dan 119,856,950 biji sebulan suku pertama

Oleh Suzalina Halid
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur:

Negara merekodkan purata lebihan hingga jutaan ekor ayam dan telur sebulan pada suku pertama tahun ini dengan bekalan kedua-duanya diunjurkan stabil bagi tempoh sama.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, purata lebihan ayam itu adalah sebanyak 16,846,447 ekor sebulan berbanding keperluan sebanyak 75,004,487 ekor sebulan.

Mengulas lanjut beliau berkata, bagi telur pula terdapat lebihan sebanyak 119,856,950 berbanding keperluannya sebanyak 1,004,506,942 biji.

“Bagi memperkasakan sektor ini untuk mengukuhkan keterjaminan makanan, Kementerian melaksanakan langkah jangka pendek dan jangka panjang antaranya memberikan subsidi kepada penternak ayam pedaging dan ayam penelur untuk membantu mengatasi ke-



“Bagi langkah jangka panjang, kita mengurangkan kebergantungan kepada sumber jagung import sebanyak 30 peratus”

Mohamad

naikan kos pengeluaran, mulai 5 Februari hingga 31 Disember 2022.

“Sehingga 15 Februari 2023, sebanyak 18,880 permohonan bernilai RM1.69 bilion subsidi sudah diluluskan kepada penternak,” katanya.

Pada masa sama, Mohamad berkata, kerajaan juga mengambil langkah membenarkan pengimportan telur dari luar negara sejak Disember lalu dan membenarkan pengimportan anak ayam atau telur bernaas dari negara Brazil, New Zealand, Perancis dan Australia bagi memastikan stok pengganti ayam penelur mencukupi.

“Bagi langkah jangka panjang, kita mengurangkan kebergantungan kepada sumber jagung import sebanyak 30 peratus menerusi inisiatif penanaman jagung bijian dalam

negara yang berkeluasan sehingga 80,000 hektar dengan sasaran pengeluaran jagung bijian tempatan sebanyak 1.44 juta tan metrik menjelang 2032.

“Selain itu, kajian turut dijalankan bagi menghasilkan bahan mentah gantian dari sumber tempatan berasaskan isirung sawit, melaksanakan kajian bagi makanan ternakan ayam berasaskan sumber alternatif larva *Black Soldier Fly* (BSF),” katanya.

Beliau berkata, pinjaman mudah melalui Agrobank sebanyak RM300 juta turut ditawarkan kepada penternak ayam melalui Dana Pembiayaan Agromakanan untuk membantu penternak mengatasi masalah modal pusingan kewangan yang terjejas akibat kenaikan kos pengeluaran.

LEWAT HANTAR BEKALAN INPUT KEPADA PESAWAH

Nafas berdepan denda satu peratus

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan mengenakan denda ke atas Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) bagi sebarang kelewatan dalam pembekalan dan penghantaran input pertanian kepada pesawah.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata denda yang dikenakan adalah sebanyak satu peratus untuk setiap hari kelewatan baja daripada nilai penghantaran dan kutipan pembayaran denda dimasukkan ke dalam akaun hasil kerajaan.

“Ini adalah langkah kawalan kerajaan bagi memastikan pembekalan oleh Nafas adalah dalam tempoh masa yang ditetapkan dan langkah ini diharap dapat mengurangkan kelewatan pada musim akan datang selain memastikan pembekalan dan pengedaran baja lebih efisien,” katanya kelmarin.

Pada masa sama Mohamad berkata, antara punca kelewatan ialah Nafas terputus bekalan bahan mentah sehingga hampir 40 hari yang kebanyakannya diimport dari luar negara, kenaikan harga bahan mentah yang mendadak dan tempoh proses agak lama mendapatkan bahan mentah.

Mohamad berkata, kera-

jaan menyasarkan tangkapan hasil laut adalah sebanyak 68.69 peratus bersamaan 14,962,100 tan metrik bagi tempoh 2021 hingga 2030.

“Berdasarkan data semasa Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), sebanyak 1,328,041 tan metrik bersamaan nilai RM10.802 bilion direkodkan untuk hasil perikanan utama negara dari perikanan tangkapan pada 2021.

“Penetapan sasaran bagi tempoh 2031 hingga 2033 masih dalam penelitian dan akan dibuat berdasarkan status stok perikanan negara pada tempoh masa itu,” katanya.

Sementara itu, menjawab soalan Ahmad Tarmizi Sulaiman (PN-Sik), Mohamad berkata, bagi memastikan jaminan bekalan makanan berterusan dan sebagai langkah persediaan menghadapi situasi luar jangka, stok penimbal beras akan ditingkatkan kepada 290,000 tan menjelang akhir tahun ini.

“Keseluruhan jumlah stok beras dalam negara pada satu-satu masa berjumlah 600,000 tan sehingga 700,000 tan dan mencukupi bagi menampung keperluan penduduk bagi tempoh antara empat hingga lima bulan,” katanya.

“Dasar membenarkan pengimportan telur ini adalah bersifat sementara”
Mohamad

“Langkah ini diharap dapat mengurangkan kelewatan musim akan datang”
Mohamad

KERAJAAN memberikan subsidi kepada penternak ayam pedaging dan ayam penelur untuk membantu mengatasi kenaikan kos pengeluaran

26 unit bubu naga dirampas

KUALA SELANGOR - Sebanyak 26 unit bubu naga dirampas menerusi operasi yang dijalankan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Selangor di perairan barat laut Sungai Janggut di sini pada Selasa.

Pengarah Maritim Malaysia Selangor, V Sivakumar berkata, kesemua bubu naga tersebut dikesan menerusi rondaan yang dijalankan sekitar lokasi.

"Rondaan rutin yang dijalankan kira-kira jam 11 pagi mengesan beberapa pelampung mencurigakan.

"Pemeriksaan mendapati pelampung tersebut diikat dengan peralatan dipercayai bubu naga yang mengandungi 13 unit bubu naga bagi setiap satu pelampung," katanya menerusi kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, anggota Maritim Selangor kemudiannya menunggu kira-kira 30 minit di lokasi penemuan bagi mendapatkan pemilik bubu naga terbabit.

"Bagaimanapun, tiada bot yang menghampiri kawasan tersebut sebelum kesemua bubu naga itu dirampas dan dibawa ke Jeti Polis Marin Pulau Indah bagi tindakan selanjutnya.

"Anggaran kesemua bubu naga yang dirampas bernilai RM1,300 dengan harga RM50 setiap unit," katanya.

Gagal seludup 25 kilogram bijirin jagung



Pegawai Maqis Pahang menunjukkan bijirin jagung yang dirampas selepas dikesan cuba dibawa masuk penumpang dari Myanmar di LTSAS pada Selasa.

KUANTAN - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Negeri Pahang mematahkan cubaan membawa masuk 25 kilogram bijirin jagung tanpa permit import dan Sijil Fitosanitasi di Lapangan Terbang Sultan Ahmad Shah (LTSAS) di sini pada Selasa.

Hasil pertanahan tersebut dikesan cuba dibawa masuk penumpang dari Myanmar yang disembunyikan dalam beg pakaian bagi mengaburi pegawai penguat kuasa Maqis yang bertugas.

Maqis dalam kenyataan berkata, cubaan penumpang

pesawat itu berjaya dikesan dalam operasi pemeriksaan harian di lapangan terbang itu. "Perbuatan mengimport hasil pertanian tanpa permit import Maqis menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Bagi kesalahan itu, pihak terlibat boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta yang sama iaitu denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/3/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Bot Perikanan hilang ditemukan di Batam

ISKANDAR PUTERI: Bot milik Jabatan Perikanan Negeri Johor, PL87 yang dilaporkan hilang dalam perjalanan ke Pengkalan Tampoi kelmarin ditemukan di Pulau Kepalajeri di Kepulauan Batam, Indonesia petang semalam.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Negeri Johor, Laksamana Pertama Maritim Nurul Hizam Zakaria berkata, kesemua empat kru tersebut ditemukan dalam keadaan selamat selepas bot yang dilaporkan hilang itu mengalami kerosakan enjin sebelum dihanyutkan arus sejauh 13 batu nautika sehingga memasuki perairan Indonesia.

"Bot PL87 itu ditemukan oleh Tentera Nasional Indonesia (TNI) pada pukul 1.45 petang di kedudukan satu batu nautika di perairan Pulau Kepalajeri. Ketika ditemukan, keempat-empat kru berada dalam keadaan selamat dan bot dinaiki mereka mengalami kerosakan bateri hingga terputus komunikasi.

"Mereka kini berada di Indonesia, urusan membawa pulang semua mangsa sedang dijalankan antara Maritim Malaysia dengan TNI yang kita jangka dapat diselesaikan hari ini," katanya dalam sidang akhbar di Jeti Maritim Sungai Pulai, di sini semalam.

Terdahulu, media melaporkan sebuah bot Perikanan PL87 dengan empat kru iaitu Fatimah Razak, 36, Zaharin Baharudin, 33, Abdul Halim Sanim, 52 dan Marzuki Jusuh, 53, hilang ketika dalam perjalanan ke Pengkalan Tampoi dari Tanjung Pengelih pada pukul 12.45 tengah hari, kelemarin.

Nurul Hizam berkata, bot berkenaan masih di perairan Indonesia dan pihaknya sedang melakukan urusan membawa pulang semua mangsa dengan kerjasama TNI.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/3/2023	NST	NEWS	10

EN ROUTE TO PANGKALAN TAMPOI

Johor Fisheries dept boat with four crewmen vanishes from radar

JOHOR BARU: A Johor Fisheries Department boat with four crewmen was reported missing en route to Pangkalan Tampoi, here, from Pengerang, Kota Tinggi, on Tuesday.

State Malaysian Maritime Enforcement Agency director First Admiral Nurul Hizam Zakaria said a report on the missing boat was lodged with the Johor Baru Maritime Rescue Sub Centre (MRSC) at 7.51pm.

He said the boat, with the number PL87, could not be contacted or traced after departing from

Tanjung Pengelih, Pengerang, at 12.45pm on Tuesday.

It was scheduled to arrive at Pangkalan Tampoi at 6.30pm the same day.

"MRSC Johor Baru activated a search-and-rescue operation by mobilising boats *Pengagal 46* and *Kilat 18* to locate the missing vessel and victims at 8pm yesterday (Tuesday). The marine police team also mobilised three assets with the search focused in the waters off Tuas and Tanjung Piai following information received from Singaporean authorities re-



First Admiral Nurul Hizam Zakaria

garding the boat's last location, which was in the waters of Tuas at 3pm yesterday (Tuesday)," Nurul Hizam said.

He said the operation was also assisted by the MMEA's KM *Ramunia* and PL39, a Johor Fisheries Department vessel. **Berna-**

2/3/2023

HARIAN

LOKAL

21

METRO

Georgetown: Pengguna dinasihati berhati-hati dengan jumlah racun makhluk perosak kadar tinggi dikesan dalam sayuran dan beras yang dijual di pasaran.

Isa susulan kajian yang dilakukan Persatuan Pengusaha Pulau Pinang (Cap) dengan bantuan *Wonjin Institute for Occupational & Environmental Health (WIOEH)* dengan sokongan *Financial Industry Public Interest Foundation (FIPiF)* Korea terhadap 112 sampel sayuran dan 20 sampel beras bagi mengesan kehadiran racun makhluk perosak.

Presiden Cap, Mohideen Abdul Kader berkata, menerusi kajian itu didapati daripada 98 sampel atau 87.5 peratus sayuran dan 11 sampel atau 55 peratus beras berkenaan dikesan mengandungi racun makhluk perosak.

Katanya, sampel itu dibeli daripada pelbagai kedai seperti pasar raya, pasar raya besar, pasar basah, pasar mini dan kedai runcit di sekitar Pulau Pinang.

"Kebanyakan sayuran yang diuji adalah dari be-

berapa kawasan penanaman utama sayur di Pulau Pinang, malah turut dibekalkan ke Kedah, Perlis dan Perak.

"Ujian mendapati jumlah racun makhluk perosak pada kadar tinggi dan berlebihan digunakan dalam sayuran malah ada juga racun makhluk perosak yang diharamkan negara Kesatuan Eropah (EU) tetapi digunakan di Malaysia.

"Paling mengejutkan ialah terdapat kehadiran sehingga 35 sebatian dalam satu sayuran," katanya pada sidang media di Pejabat Cap, Jalan Masjid Negeri di sini, semalam.

Mohideen berkata, ketika ini peraturan berkaitan sisa racun makhluk perosak dalam tanaman di Malaysia adalah mengikut Jadual Enam Belas (Peraturan 41) Peraturan Makanan 1985 dan hanya racun makhluk perosak yang dinyatakan da-

98 sampel sayuran, 11 sampel beras mengandungi racun makhluk perosak

lam jadual itu dibenarkan ada di dalam tanaman masing-masing.

"Selain menggunakan racun makhluk perosak secara berlebihan, petani juga menggunakan jenis yang diharamkan atau tidak dibenarkan ada di dalamnya.

"Hasil ujian itu juga menunjukkan bahawa ada beberapa tanaman didapati mengandungi racun makhluk perosak yang tidak dibenarkan ada di dalamnya.

"Contohnya, racun makhluk perosak Abamectin yang hanya dibenarkan bagi di-

gunakan dalam buah seperti tembikai, timun dan tomato, diremui dalam daun saderi dan daun bawang selain Carbofuran (diharamkan sejak Mei 2023) yang dibenarkan hanya dalam beras ditemui dalam beberapa sayuran berdaun malah



MOHIDEEN (tengah) menunjukkan pelbagai jenis sayuran dan beras tercemar racun makhluk perosak yang tinggi dikesan di pasaran. - Gambar NSTP/MIKAIL.ONG

sampel itu juga didapati mengandungi racun serangga seperti Malathion dan Metathiazinone, katanya.

Sehubungan itu Cap menggesa pihak berkuasa supaya melakukan ujian secara tetap terhadap barangan makanan di pasaran bagi mengesan paras kandungan racun makhluk perosak dan hasilnya diumumkan supaya pengguna boleh mengelak daripada membeli barangan itu.

Kata Mohideen, Jadual Enam Belas (Peraturan 41) Peraturan Makanan 1985 juga perlu dikuat kuasa dengan tegas selain mendidik petani mengenai bahaya penggunaan racun makhluk perosak.

"Pengguna di Malaysia tidak menyedari mengenai tahap dan jenis racun perosak yang digunakan dalam hasil pertanian tempatan mandangkan tidak banyak publisiti mengenainya.

"Bagaimanapun terdapat kes sayuran di Malaysia ditolak di luar negara kerana kandungan racun makhluk perosak kadar tinggi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/3/2023	SINAR HARIAN	NEGERI P. PINANG	28

Saran basuh sayuran dengan betul

GEORGETOWN - Pengguna dinasihatkan supaya membasuh sayur-sayuran dan beras menggunakan air suam yang dicampur dengan garam atau sabun organik khas agar peraturan racun makhluk perosak yang dikesan dalam kedua-dua jenis makanan itu dapat dikurangkan.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader berkata, berdasarkan kajian yang dijalankan pihaknya, sebanyak 112 sampel sayuran dan 20 sampel beras diuji untuk mengetahui kehadiran racun makhluk perosak.

Menurutnya, daripada jumlah itu, 98 sampel atau 87.5 peratus sayuran dan 11 sampel (55 peratus) daripada beras didapati mengandungi racun makhluk perosak.

"Pengguna digesa supaya berhati-hati dengan jumlah racun makhluk perosak yang tinggi dikesan dalam sayuran dan beras yang dijual di pasaran. Dalam kajian yang dijalankan, sampel yang diambil adalah dari pelbagai kedai seperti pasar raya, pasar raya besar, pasar basah, pasar mini dan kedai runcit di sekitar Pulau Pinang.

"Beras dan sayur-sayuran



Mohideen (tengah) menunjukkan jenis sayuran yang mengandungi peraturan racun makhluk perosak pada sidang akhbar pada Rabu.

ini kemudiannya diuji bagi racun makhluk perosak di Korea. Kajian dilakukan dengan bantuan Wonjin Institute for Occupational and Environmental Health (WIOEH) serta sokongan daripada Financial Industry Public Interest Foundation (FIPIF), Korea," katanya pada sidang akhbar di Pejabat CAP di sini pada Rabu.

Dalam pada itu, CAP menggesa pihak berkuasa supaya melakukan ujian secara tetap terhadap barangan makanan di pasaran selain mengumumkan hasilnya supra-

ya pengguna boleh mengelakkan barangan makanan yang didapati mengandungi racun makhluk perosak.

"Kerajaan perlu memantau amalan pertanian yang baik dan mengadakan program pendidikan bagi petani untuk mendidik mereka mengenai bahaya penggunaan racun makhluk perosak.

"Saya ingin menasihatkan pengguna supaya menuntut amalan pengeluaran makanan yang lebih baik melalui kuasa pengguna selain digalakkan menanam sayuran organik mereka sendiri," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/3/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Sayur, beras di pasaran didakwa ada racun

GEORGE TOWN: Kira-kira 87.5 peratus atau 98 daripada 112 sampel sayuran dan 55 peratus atau 11 daripada 20 sampel beras di pasaran ketika ini didakwa dikesan mengandungi racun makhluk perosak.

Pendedahan itu dibuat Perutusan Pengguna Pulau Pinang (CAP) hasil kajian ke atas beberapa sampel sayur dan beras yang dibeli di pelbagai lokasi termasuk di pasar raya, pasar raya besar, pasar basah, pasar mini dan kedai runcit di sekitar negeri ini.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kadir berkata, kajian itu dilakukan dengan bantuan *Wonjin Institute for Occupational and Environmental Health (WIOEH)* serta sokongan daripada *Financial Industry Public Interest Foundation (FIPIF)* di Korea Selatan.

Katanya, kebanyakan sayuran yang diuji adalah dari kebun yang merupakan kawasan penanaman utama sayur di Pulau Pinang.

"Sayuran yang diuji itu dida-



MOHIDEEN ABDUL KADIR (tengah) menunjukkan sebahagian sayur di pasaran yang dipercayai mengandungi racun makhluk perosak.

pati mengandungi sejumlah racun makhluk perosak yang tinggi dan berlebihan serta racun makhluk perosak lain yang diharamkan oleh negara Kesatuan Eropah (EU) untuk digunakan di Malaysia.

"Apa yang paling mengejut-

kan adalah kehadiran sehingga 35 sebatian dalam satu sayuran," katanya semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, selain menggunakan racun makhluk perosak yang berlebihan, petani menggunakan racun makhluk perosak yang diharam-

kan.

Sebagai contoh, ujar beliau, racun makhluk perosak Abamectin yang hanya dibenarkan untuk digunakan dalam buah-buahan seperti tembikai, timun dan tomato ditemukan dalam daun saderi dan daun bawang.

"Racun makhluk perosak Carbofuran yang akan diharamkan bermula Mei 2023 pula sepatutnya ada dalam beras sahaja, namun turut dijumpai dalam beberapa sayuran berdaun," katanya.

Mohideen berkata, ketika ini, kebanyakan pengguna di negara ini tidak menyedari mengenai tahap serta jenis racun perosak yang digunakan dalam hasil pertanian tempatan mandangkan tidak banyak publisiti mengenainya.

Malah, tambah beliau, kajian itu juga mendedahkan kerajaan menggalakkan penggunaan racun makhluk perosak mandangkan petani diberikan bantuan kewangan untuk membeli.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/3/2023	NST	NEWS	5

FREE TRADE AGREEMENT

Liew: CPTPP won't have negative impact on agricultural sector

THE Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP) will not negatively impact the agricultural sector, said Deputy Trade and Industry Minister Liew Chin Tong.

He said the agreement, which came into effect for Malaysia in November, could guarantee the rights and interests of farmers as it was the only free trade agreement signed by Malaysia to recognise food security issues.

"Claims that the agreement does not allow the government to implement a ban on basic food exports, such as chicken, are not true.

"Instead, the government has the right to implement a temporary ban on the export of food products to ensure they are enough for the people."

He said this in response to a question from Che Alias Hamid (PN-Kemaman) on the government's stand on CPTPP.

Che Alias had said CPTPP would impact the agricultural

sector negatively.

Previously, 54 organisations submitted a memorandum to the Agriculture and Food Industries Ministry to seek clarification on Malaysia's ratification of CPTPP.

Malaysia Food Sovereignty Forum head coordinator Nurfitri Amir Muhammad had said CPTPP would have a negative impact on farmers, livestock breeders and fishermen as well as on food security and Malaysia's sovereignty.

However, Malaysian Consortium of Mid-Tier Companies president Callum Chen had said Malaysia could not afford to withdraw from CPTPP as the agreement was crucial for trade.

Meanwhile, Liew added that CPTPP would also not result in the abolishment of import duties for agricultural products to a large extent.

He said this was because Malaysia depended on agricultural products, importing 50 per cent more than local goods.



Consumers Association of Penang president Mohideen Abdul Kader (centre) with the vegetable and rice samples that have high amounts of pesticide at a press conference at the association's office in George Town yesterday. PIC BY MIKAIL ONG

'HORRIFYING'

ALARM OVER PESTICIDE LEVELS IN VEGGIE, RICE

Penang farmers using too much pesticides, banned compounds, study by CAP uncovers

AUDREY DERMAWAN
GEORGE TOWN
news@nst.com.my

THE Consumers Association of Penang urges consumers to be cautious of the high amount of pesticides in vegetables and rice.

In a study carried out with the help of the Wonjin Institute for Occupational and Environmental Health and supported by South Korea's Financial Industry Public Interest Foundation, 112 samples of vegetables and 20 samples of rice were tested for pesticides.

It was found that 98 samples of vegetables (87.5 per cent) and 11 samples of rice (55 per cent) contain pesticides.

Samples were purchased from supermarkets, hypermarkets, wet markets, mini markets and retail shops in Penang.

The association's president, Mohideen Abdul Kader, described the results as "horrific".

"Excessively high amounts of

pesticides are in the vegetables tested. It was found that pesticides banned by European Union countries are used in Malaysia.

"What is most shocking is the presence of up to 35 compounds in a single vegetable."

Results showed that celery had seven to 35 active compounds, rice had one to three, lettuce had one to 13, Chinese flowering cabbage had three to nine, napa cabbage had one to seven and cabbage had one to two. Mixed red and green amaranth had two to seven active compounds, spinach had two to eight, leaf mustard had three to 13, Chinese kale had two to 21, coriander had one to four, spring onion had one to 11 and bok choy had two to 22.

Mohideen said most vegetables tested were from farms in Ara Kuda, the main vegetable growing area in Penang that also supplies to Kedah, Perlis and Perak.

He said legislation on pesticide residue in crops was under the Sixteenth Schedule (Regulation 41) of the Food Regulation 1985.

He said only pesticides mentioned in the schedule and the minimum residue levels were allowed in the respective crops.

"Besides using excessive pesticides, farmers are also using pesticides that are banned.

"For example, the pesticide Abamectin, which is only allowed to be used in fruit such as wa-

termelon, cucumber and tomato, was found in celery and spring onion. Carbofuran, which is allowed only in rice, was found in some leafy vegetables."

He said Carbofuran is set to be banned from May.

"The samples were also found to contain insecticides such as Malathion and Metaflumizone."

He said consumers were unaware of how much pesticides and the types used in local produce.

He said exported Malaysian vegetables have been rejected due to high pesticide content.

"The study found that many farmers are unaware of the dangers of pesticide and do not adhere to the safety procedure, such as wearing protective gear. Normally, foreigners who are not trained in the procedure are paid to apply the pesticide."

"We found that there is no proper storage place for the pesticide. Sometimes it is kept in the same storeroom as tools and food."

Mohideen urged the authorities to regularly test food items in the market for pesticide levels, publish the results so that consumers could avoid tainted food items, enforce the Food Regulations 1985, enforce and monitor good farming practices, conduct education programmes for farmers and shift from industrial agriculture based on high use of pesticide to organic agriculture.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/3/2023	SINAR HARIAN	BISNES	31

KUSKOP cadang kurangkan yuran koperasi pertanian

KUALA LUMPUR - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) bercadang untuk mengurangkan jumlah modal syer atau yuran koperasi daripada RM50,000 kepada RM5,000 bagi menggalakkan lebih banyak koperasi pertanian menyertai Koperasi Perindustrian Asas Tani Malaysia Bhd.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Saraswathy Kanadasamy berkata, penglibatan lebih banyak koperasi dalam federasi itu membolehkan sektor agromakanan di negara ini diperkasa, sekali gus menangani isu keterjaminan makanan.



SARASWATHY

"Dengan gabungan lebih banyak koperasi dalam federasi ini, ia akan menggiatkan lagi sektor agromakanan dan sektor pertanian, malah ia juga membolehkan mereka membentuk satu blok yang dapat menjamin pembelian bijirin atau bahan-bahan untuk tujuan mengurangkan kos pembiayaan sektor pertanian ini.

"Pada waktu ini hanya terdapat lima koperasi yang telah menjadi anggota Federasi Koperasi Perindustrian dan Industri Asas Tani Malaysia Bhd," katanya pada sesi soal jawab sidang Dewan Rakyat di Parlimen pada Rabu. Sementara itu, Saraswathy berkata, KUSKOP menerusi



Pengurangan yuran akan membantu lebih banyak koperasi pertanian, dan ini sekali gus membolehkan bidang agromakanan negara diperkasa dan menangani isu keterjaminan makanan.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sentiasa komited dalam memastikan keterjaminan makanan dengan penglibatan koperasi dalam sektor agromakanan.

"Sehingga 31 Disember lepas, sebanyak 172 koperasi telah

ktor itu, beliau berkata, beberapa langkah telah dilaksanakan, antaranya, penyediaan pembiayaan pulangan modal pushtan agromakanan dengan jumlah peruntukan RM100 juta menerusi Belanjawan 2023.

"Koperasi yang layak boleh memohon pembiayaan sehingga RM3 juta bagi mengembangkan atau memperluaskan projek berkaitan pengeluaran makanan pertanian utama, pemprosesan atau pengilangan agromakanan atau aktiviti hiliran makanan lain.

"Selain itu, kerajaan juga menyediakan geran bantuan pembangunan sehingga RM300,000 kepada koperasi berkelayakan, bagi mengukuh dan mengembangkan aktiviti perniagaan koperasi termasuk aktiviti pertanian," kata Saraswathy.

Beliau menjawab soalan mengenai keterlibatan serius koperasi dalam sektor agromakanan bagi membantu negara menghadapi krisis bekalan makanan pada masa sekarang dan akan datang. - Bernama



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/3/2023	HARAKAH	TERENGGANU	H25
KINI			

Nelayan Terengganu terima berita gembira

SETIU, 26 Februari - Kira-kira 2,000 nelayan di Terengganu menerima berita gembira apabila kerajaan negeri mengumumkan akan menanggung kos pembaharuan lesen bagi nelayan sampan kecil di negeri itu.

Menteri Besar, Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar, ketika mengumumkan perkara itu berkata, kerajaan negeri akan menanggung kos pembaharuan lesen bagi nelayan sampan kecil di negeri itu.

"Ini bukan kali pertama, kita pernah melaksanakan projek ini sebelum ini. Kini, kerajaan negeri akan menanggung kos pembaharuan lesen bagi nelayan sampan kecil di negeri itu."



Labuh tukun antara projek bagi meningkatkan ekonomi nelayan.



Perkampungan nelayan di Marang.

insentif ini pada tahun 2019 sebelum ini.

"Biarlah para nelayan sampan kecil ini fokus kepada gerak kerja mereka," katanya.

Bellau berkata demikian ketika ditemui pemberita

selepas merasmikan penutupan Karnival Gedung Pengeluaran Makanan Terengganu (GPMT) di Sungai Tarom, semalam.

Karnival selama tiga hari itu adalah simbolik usaha kerajaan negeri untuk men-

jadikan Setiu sebagai gedung pengeluaran makanan bagi negeri berkenaan.

"Ini bukan slogan semata-mata tetapi mengandungi tempoh pelaksanaan dan pelan strategik yang akan dilaksanakan," katanya.

Nelayan terpaksa ikat perut, berhutang beli barangan asas

Oleh **DIANA SURYA ABD WAHAB**
utusannews@mediamulla.com.my

KUANTAN: Kira-kira 60 nelayan di Kampung Nelayan Pantai Berserah di sini hilang punca pendapatan kerana sudah lima bulan tidak ke laut ekoran Mon-sun Timur Laut (MTL) dan cuaca tidak menentu yang dijangka berlanjutan bulan ini.

Rata-rata mereka merungut dengan permasalahan dihadapi dan kecewa apabila tiada bantuan tambahan diperolehi daripada Kerajaan Pusat menerusi pembentangan Belanjawan 2023 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Jumaat lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, nelayan pantai, Wan Abdul Jamaludin Wan Mohamad, 53, berkata, dia kini terpaksa ikat perut untuk mendapatkan keperluan barangan asas sementara menunggu peluang turun semula ke laut.

"Memang kita sangat perlukan bantuan terutamanya daripada kerajaan. Sekarang ni kita tak dapat apa-apa bantuan.

"Sejak November kita tak boleh pergi ke laut, masuk bulan



NELAYAN pantai masih menunggu keadaan kembali tenang untuk turun semula ke laut di Kampung Nelayan Pantai Berserah di Kuantan, Pahang. - UTUSAN/DIANA SURYA ABD WAHAB

Disember, Januari dan Februari, kalau diikuti empat bulan ini sudah kering air mata untuk menangi," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Wan Abdul Jamaludin berkata, situasi kali ini lebih teruk berbanding sebelumnya berikutan rata-rata nelayan di sini termasuk dirinya turut ditimpa

musibah banjir. "Sudahlah tidak dapat turun ke laut, banjir pula berlaku dan sekarang masa untuk menyedai keperluan persekolahan anak-anak selain perbelanjaan harian pada bulan Ramadan yang bakal tiba.

"Dua daripada lima anak saya masih bersekolah. Tak lama lagi

anak nak masuk asrama. Semua itu memerlukan belanja yang besar. Tahun lalu tidak seteru-tahun ini kerana ditambah dengan dua kali rumah dilanda banjir.

"Barang-barang rumah, semua rosak ketika banjir dan semuanya memerlukan perbelanjaan tinggi. Mujur ada

adik-beradik dan saudara-mara datang hulur sedikit bantuan," katanya.

Ketua Nelayan Berserah, Abdul Aziz Razali, 53, berkata, meskipun bersyukur kerana masih diberikan elaun sara hidup RM300 sebulan, mereka berharap dapat bantuan secara *one-off* kepada nelayan yang terjejas pada musim MTL ini.

Katanya, kebiasaannya bermula pertengahan Januari atau Februari, mereka sudah boleh turun ke laut seperti biasa namun dengan keadaan cuaca tidak menentu tahun ini, tidak pasti bila boleh berbuat demikian.

"Itu kita minta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, turun padang dengar keluh kesah nelayan. Mungkin (Menteri) boleh minta jumpa Perdana Menteri bagi tambahan Belanjawan 2023 untuk nelayan pantai.

"Apa salahnya menteri jumpa Perdana Menteri minta bajet tambahan untuk nelayan. Sebab dengan keadaan cuaca sekarang memang teruk nak cari makan. Kalau boleh beri *one-off* untuk nelayan, tak kiralah berapa pun kerajaan nak berikan," katanya.

Pengeluaran hanya dua tan metrik sawah sehektar

Hasil padi boleh merosot 70%?

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

KANGAR: Hasil padi atau beras negara boleh merosot sehingga 70 peratus dalam tempoh tujuh atau 10 tahun akan datang berdasarkan hasil pesawah yang semakin berkurangan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pesawah dikatakan hanya mampu menghasilkan sekitar dua tan metrik padi bagi keluasan satu hektar berbanding tempoh lima ke tujuh tahun lalu yang mencecah sehingga tujuh tan metrik bagi keluasan sama.

Masalah tersebut sekali gus menimbulkan persoalan bagaimana masa depan hasil beras negara selain nasib pesawah yang terus terhimpit akibat isu berkenaan selain terpaksa menanggung kerugian berterusan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban berkata, kemerosotan hasil padi sejak beberapa tahun kebelakangan ini semakin ketara dengan ada dalam kalangan pesawah hanya mampu menghasilkan sekitar dua tan metrik padi bagi keluasan satu hektar.

Menurutnya, kemerosotan tersebut dikatakan berpunca daripada isu benih dan racun yang tidak berkualiti sekali gus menyebabkan kualiti hasil padi setiap kali musim menuai menurun selain menyebabkan penyakit atau padi angin.

Kata beliau, terdapat jenis racun yang digunakan pesawah boleh merosakkan tanah sekali gus bakal memberi kesan kepa-



RAZIF Harun, 37, (kiri) menunjukkan hasil padi yang dihantar di Pusat Belian Padi Pertubuhan Peladang Kawasan Arau, Kampung Banat, Arau, Perlis, semalam. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

da hasil padi.

"Sekitar tujuh atau 10 tahun lalu, keluasan satu hektar mampu menjana hasil sehingga enam ke tujuh tan metrik. Sekarang sudah jauh beza sekali gus memberi kesan cukup besar kepada para pesawah.

"Jika masalah ini berterusan, ia juga bakal memberi kesan kepada hasil beras negara dan tidak mustahil boleh merosot antara 60 sehingga 70 peratus dalam tempoh tidak sampai 10 tahun akan datang," katanya.

Kelmarin *Utusan Malaysia* melaporkan, hasil padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) merosot kira-kira 150,000 tan metrik setahun yang dibimbangi jika

berterusan akan menjejaskan bekalan beras negara.

Kemerosotan berpunca daripada lima masalah utama yang menghantui pesawah di Kedah dan Perlis terutama kelewatan penghantaran benih padi dan penghantaran baja yang tidak ikut jadual penanaman.

Selain itu, masalah infrastruktur seperti tali air tersumbat dan tanah jerlus serta isu orang tengah yang menindas petani turut menyumbang kepada kemerosotan tersebut.

Tahun lalu, akhbar ini melaporkan, beras yang dihasilkan dalam tempoh setahun menyaksikan Malaysia jauh terbelakang iaitu sekitar 2.2 juta tan metrik berbanding negara-

negara Asia lain seperti China (182 juta tan metrik); India (136 juta tan metrik); Indonesia (54 juta tan metrik); Vietnam (34 juta tan metrik); Thailand (29 juta tan metrik); Filipina (15.3 juta tan metrik) dan Korea Selatan, 6.3 tan metrik.

Sementara itu, Mohd. Shazwan berkata, pihak bertanggungjawab perlu memandang serius isu tersebut yang jika tidak diatasi dengan baik bakal menjejaskan hasil pengeluaran beras negara.

Selain itu, katanya, kaedah teknologi seperti penggunaan dron untuk tujuan racun dan menabur baja juga dilihat penting dalam menghasilkan padi lebih baik.

172 koperasi terlibat agro makanan

KUALA LUMPUR: Sebanyak 172 koperasi terlibat secara khusus dalam sektor agro makanan meliputi penternakan, perikanan, tanaman dan pembekalan input pertanian.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, K. Saraswathy berkata, angka itu dicatatkan sehingga 31 Disember lalu dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) melaksanakan pelbagai inisiatif dalam memastikan keterjaminan makanan negara melalui penglibatan koperasi dalam sektor berkenaan.

Katanya, Kementerian turut menyediakan pembiayaan modal pusingan agro makanan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM100 juta bagi meningkatkan penglibatan dan sumbangan koperasi dalam sektor itu.

"Koperasi yang layak boleh memohon pembiayaan sehingga RM3 juta bagi mengembang projek berkaitan pengeluaran makanan pertanian utama, pemprosesan atau pengilangan agromakanan atau aktiviti hiliran makanan lain.

"Selain itu, kementerian menyediakan geran bantuan pembangunan sehingga RM300,000 kepada koperasi yang berkecayaan bagi mengukuhkan dan mengembangkan aktiviti perniagaan koperasi termasuk aktiviti pertanian," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Terdahulu, Datuk Muslimin Yahya (PN-Sungai Besar) meminta kementerian menyatakan keterlibatan serius koperasi berkaitan sektor agro makanan bagi membantu negara menghadapi isu bekalan makanan.

Saraswathy berkata, kerajaan mewujudkan Federasi Koperasi Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia Berhad yang bertujuan menggembeng sumber modal, kepakaran, kemahiran dan tenaga profesional bagi melaksanakan aktiviti skala lebih besar serta menguasai aktiviti sepanjang rantaian bekalan.

Tumpu teknik pembajaan padi

KUALA LUMPUR: Pemain industri pertanian perlu memfokuskan teknik pembajaan yang lebih efisien bagi mengeluarkan hasil padi tinggi sekali gus membantu meningkatkan bekalan beras dalam negara.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pakar pertanian dan sekuriti makanan, Prof. Datuk Dr. Zulkifli Idrus berkata, langkah itu lebih praktikal untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi berbanding dalam negara berbanding membuka jelapang padi baharu.

"Lebih baik kita tekankan aspek bagaimana mahu ting-

katkan penghasilan padi di jelapang sedia ada.

"Kalau tambah jelapang padi, hasilnya sama ia adalah satu langkah yang sia-sia. Contoh purata hasil padi empat tan metrik per hektar, ia sangatlah rendah. Tentunya ada pelbagai faktor yang boleh diambil kira tetapi tidak perlu lihat pada faktor yang kompleks.

"Lihat pada perkara asas. Apa yang saya faham, teknik pembajaan tanaman padi di negara kita masih lemah. Ini yang harus dititikberatkan," katanya ketika dihubungi semalam.

Semalam, *Utusan Malaysia*

melaporkan, hasil padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) merosot kira-kira 150,000 tan metrik setahun yang dibimbangi jika berterusan akan menjejaskan bekalan beras negara.

Zulkifli berkata, spesifikasi nutrien tanah juga wajar diberi penekanan kerana setiap kawasan mempunyai kandungan dan keperluan nutrien berbeza.

"Penghasilan padi boleh berkurangan jika nutrien pada tanah tidak cukup. Jadi, teknik pembajaan kena betul yang merangkumi masa pembajaan dan jenis baja itu sendiri bagi

merangsang produktiviti padi.

"Umum tahu, pesawah dapat baja subsidi dan kawasan jelapang pula luas. Namun, nutrien tanah di setiap kawasan kemungkinan tidak sama. Maka, mahu letak baja tidak boleh jenis yang sama semuanya, kena tengok nutrien apa yang kurang pada tanah tersebut.

"Untuk tahu, kena buat ujian, ambil sampel tanah dan hantar makmal. Cuma, pesawah harus terbuka menerima nasihat dan proaktif dengan keterangan amalan yang betul daripada pakar atau pegawai jabatan pertanian ini," katanya.